



HUBUNGAN KEPIMPINAN GURU DENGAN
PENGURUSAN PELANTAR PEMBELAJARAN
DELIMa DALAM KALANGAN GURU
SEKOLAH MENENGAH KINTA
UTARA



MASYITAH BINTI ABDULLAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



HUBUNGAN KEPIMPINAN GURU DENGAN PENGURUSAN PELANTAR
PEMBELAJARAN DELIMa DALAM KALANGAN GURU
SEKOLAH MENENGAH KINTA UTARA

MASYITAH BINTI ABDULLAH

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada **13** (hari bulan) **DISEMBER** (bulan) **2022**

i. Perakuan pelajar:

Saya, **MASYITAH BINTI ABDULLAH/ M20201000171/ FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/ tesis yang bertajuk **HUBUNGAN KEPIMPINAN GURU DENGAN PENGURUSAN PELANTAR PEMBELAJARAN DELIMA DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH KINTA UTARA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya.




Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. ROSNAH BINTI ISHAK** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **HUBUNGAN KEPIMPINAN GURU DENGAN PENGURUSAN PELANTAR PEMBELAJARAN DELIMA DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH KINTA UTARA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/ sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN**.

15 DISEMBER 2022



Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: HUBUNGAN KEPIMPINAN GURU DENGAN PENGURUSAN PELANTAR PEMBELAJARAN
DELIMA DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH KINTA UTARA

No. Matrik / Matric's No.: M20201000171

Saya / I : MASYITAH BINTI ABDULLAH
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☒ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 15 DISEMBER 2022

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)

Jabatan Pengurusan Pendidikan
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan. Dalam usaha menyiapkan disertasi, penyelidikan ini telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak langsung daripada individu-individu berikut: Dr. Rosnah Ishak – Penyelia disertasi yang banyak memberikan panduan dan nasihat, pengetua-pengetua dan guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Kinta Utara, Perak yang terlibat dalam kajian ini, para pensyarah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang telah memberi ilmu dan tunjuk ajar, rakan-rakan sepengajian yang banyak memberi bantuan dan semangat dan tidak lupa juga kepada Ayah dan Bonda yang sentiasa memberi sokongan dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri ini.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan kepimpinan guru dengan pengurusan pelantar pembelajaran *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) dalam kalangan guru Sekolah Menengah Kinta Utara. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan digunakan dalam kajian ini. Kajian ini mengadaptasi dua instrumen daripada *Teacher Leadership Self-Assessment* (TLSA) untuk mengukur tahap kepimpinan guru dan item-item pengurusan teknologi kajian-kajian lepas. Pemilihan sekolah dijalankan secara pensampelan sistematik yang mana 20 buah sekolah menengah kebangsaan telah dipilih di daerah Kinta Utara, Perak. Kaedah pensampelan rawak sistematik pula digunakan untuk memilih sampel seramai 346 orang guru. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS. Analisis deskriptif menentukan tahap kepimpinan guru dan tahap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa manakala analisis inferensi pula melibatkan ujian-t, ANOVA sehala dan analisis korelasi *Pearson*. Ujian-t menjelaskan perbezaan tahap kepimpinan guru dan perbezaan tahap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa berdasarkan faktor jantina. Ujian ANOVA sehala pula menjelaskan perbezaan tahap kepimpinan guru dan perbezaan tahap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa berdasarkan faktor umur dan seterusnya analisis korelasi *Pearson* menentukan hubungan antara pemboleh ubah. Dapatan kajian menunjukkan tahap kepimpinan guru dan tahap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa berada pada tahap tinggi. Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap kepimpinan guru dan tahap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa berdasarkan faktor jantina. Manakala ujian ANOVA sehala menunjukkan terdapat perbezaan tahap kepimpinan guru berdasarkan faktor umur ($p = 0.002$, $p < 0.05$), namun tidak terdapat perbezaan tahap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa berdasarkan faktor umur. Analisis korelasi *Pearson* pula menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan ($p = 0.000$, $p < 0.05$). Nilai koefisien ($r = 0.426$) pada tahap sederhana antara kepimpinan guru dengan pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa. Kesimpulannya, wujud hubungan kepimpinan guru dengan pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa. Implikasi kajian memberi kesedaran kepada pihak berkepentingan dalam bidang pendidikan bahawa kepimpinan guru perlu diperkasakan bagi meningkatkan pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa.



RELATIONSHIP BETWEEN TEACHER LEADERSHIP AND MANAGEMENT OF DELIMa LEARNING PLATFORM IN THE NORTHERN KINTA SECONDARY SCHOOLS

ABSTRACT

The objective of this study is to identify the relationship between teacher leadership and management of DELIMa learning platform. A quantitative approach with a survey design has been used for this study. This study used two instruments adapted from Teacher Leadership Self-Assessment (TLSA) to measure the level of teacher leadership and technology management items from previous studies. School selection was conducted by systematic sampling in which 20 national secondary schools were selected in the district of North Kinta, Perak. A systematic random sampling method was used to select 346 teachers. Data were analyzed using descriptive and inferential analysis using SPSS. Descriptive analysis explained the level of teacher leadership and the level of management of the DELIMa learning platform while inferential analysis involved t-test, one-way ANOVA and Pearson correlation analysis. The t-test explained the differences in the level of teacher leadership and the differences in the level of management of the DELIMa learning platform based on gender. The one-way ANOVA test explained the differences in the level of teacher leadership and the differences in the level of management of the DELIMa learning platform based on age and then Pearson correlation analysis determined the relationship between the variables. Findings showed that the level of teacher leadership and the level of management of the DELIMa learning platform were high. The t-test analysis showed that there was no difference in the level of teacher leadership and in the level of management of the DELIMa learning platform based on gender. While one-way ANOVA test showed that there is a difference in the level of teacher leadership based on age ($p = 0.002$, $p < 0.05$), but there is no difference in the level of management of the DELIMa learning platform based on age. Pearson correlation analysis showed that there was a significant ($p = 0.000$, $p < 0.05$) positive relationship at a moderate level between teacher leadership and the management of the DELIMa learning platform. The coefficient value ($r = 0.426$) is at a moderate level between teacher leadership and DELIMa learning platform management. In conclusion, there is a relationship between teacher leadership and the management of the DELIMa learning platform. Implications of the study provide awareness to stakeholders in the field of education that teacher leadership needs to be strengthened to improve the management of DELIMa learning platform.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	13
1.6 Hipotesis Kajian	14

1.7	Kerangka Teori Kajian	15
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	19
1.9	Definisi Operasional	20
1.9.1	Kepimpinan Guru	20
1.9.2	Pengurusan Pelantar Pembelajaran <i>Digital Educational Learning Initiative Malaysia</i> (DELIMa)	21
1.9.3	Guru	22
1.9.4	Sekolah Menengah (SM)	23
1.10	Batasan Kajian	24
1.11	Kepentingan Kajian	25
1.12	Rumusan	27

BAB 2**TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	28
2.2	Pengurusan Teknologi	29
2.3	Teori Pembelajaran Digital	31
2.3.1	Model RAT (<i>Replacement, Amplification, Transformation</i>)	31
2.3.2	Model SAMR	32
2.4	Model Pengurusan Teknologi	34
2.4.1	Model Lima Proses	35
2.4.2	Model <i>Six Facets</i>	37
2.5	Perbandingan Model Pengurusan Teknologi	48
2.6	<i>Digital Educational Learning Initiative Malaysia</i> (DELIMa)	52

2.7	Kajian-kajian Lepas Pengurusan Teknologi	56
2.8	Kepimpinan Guru	64
2.8.1	Sejarah Kepimpinan Guru	65
2.8.2	Konsep Kepimpinan Guru	67
2.9	Model Kepimpinan Guru	71
2.9.1	<i>Leadership Development for Teachers Model (LDT)</i>	72
2.9.2	<i>Teacher Leader Model Standards (TLMS,2011)</i>	78
2.9.3	<i>Teacher Leadership Competency Model (TLCM) (2015)</i>	81
2.10	Perbandingan Model Kepimpinan Guru	85
2.11	Kajian-kajian Lepas Kepimpinan Guru dan Kepimpinan Teknologi	90
2.12	Rumusan	95

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	97
3.2	Reka Bentuk Kajian	98
3.3	Pensampelan	99
3.4	Instrumen Kajian	106
3.4.1	Pecahan Bahagian dan Sumber Rujukan Instrumen	107
3.4.2	Pembahagian Instrumen Borang Soal Selidik	112
3.5	Kesahan Pakar	115
3.5.1	Kesahan Muka	116

3.5.2	Kesahan Kandungan	117
3.6	Kajian Rintis	132
3.6.1	Kebolehpercayaan	132
3.6.2	<i>Exploratory Factor Analysis</i> (EFA)	134
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	148
3.8	Kaedah Penganalisan Data	150
3.8.1	Analisis Deskriptif	151
3.8.2	Analisis Inferensi	152
3.8.2.1	Analisis Ujian -t	152
3.8.2.2	Analisis ANOVA Sehala	153
3.8.2.3	Analisis Korelasi <i>Pearson</i>	154

3.9	Ringkasan Prosedur Analisis Kajian	155
3.10	Rumusan	158

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	159
4.2	Demografi Responden	160
4.3	Tahap Kepimpinan Guru Sekolah Menengah Kinta Utara	163
4.4	Tahap Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa Dalam kalangan guru Sekolah Menengah Kinta Utara	171
4.5	Tahap Kepimpinan Guru Berdasarkan Faktor Jantina	180
4.6.	Tahap Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa berdasarkan Faktor Jantina	181
4.7	Tahap Kepimpinan Guru berdasarkan Faktor Umur	183

4.8	Tahap Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa berdasarkan Faktor Umur	186
4.9	Hubungan Tahap Kepimpinan Guru dengan Pengurusan Pelantar pembelajaran DELIMa dalam kalangan Guru Sekolah Menengah Kinta Utara	188
4.10	Rumusan Keputusan Dapatan Analisis SPSS ke atas Persoalan Kajian dan Hipotesis Kajian	190
4.11	Rumusan	192

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	193
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	194
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	196
5.3.1	Tahap Kepimpinan Guru Sekolah Menengah Kinta Utara	197
5.3.2	Tahap Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa dalam kalangan guru Sekolah Menengah Kinta Utara	200
5.3.3	Perbezaan Tahap Kepimpinan Guru Berdasarkan Faktor Jantina	202
5.3.4	Perbezaan Tahap Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa Berdasarkan Faktor Jantina	202
5.3.5	Perbezaan Tahap Kepimpinan Guru Berdasarkan Faktor Umur	203
5.3.6	Perbezaan Tahap Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa Berdasarkan Faktor Umur	203
5.3.7	Hubungan Kepimpinan Guru Dengan Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa Dalam kalangan guru Sekolah Menengah Kinta Utara	204

5.4	Implikasi Kajian	205
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	208
5.6	Kesimpulan	209
RUJUKAN		211
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Ringkasan aktiviti dalam Model Grogery (1995) mengikut proses pengurusan teknologi	36
2.2	Prinsip setiap elemen Model Six Facets	40
2.3	Perbandingan Model Pengurusan Teknologi	50
2.4	Kajian-kajian lepas yang mengkaji elemen-elemen pengurusan teknologi yang terdapat dalam Model Six Facets.	51
2.5	Aplikasi-aplikasi yang terdapat dalam portal DELIMa KPM	54
2.6	Konsep Kepimpinan Guru	68
2.7	Perbandingan Model Kepimpinan Guru mengikut aspek atau domain atau elemen	86
2.8	Perbandingan aspek atau domain atau elemen berdasarkan Model Kepimpinan Guru	89
3.1	Bilangan Guru Sekolah Menengah Harian Kinta Utara, Perak mengikut Jantina	100
3.2	Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	101
3.3	Senarai Sekolah Menengah Mengikut Zon Daerah Kinta Utara tahun 2021	102
3.4	Parameter Sampel Kajian	104
3.5	Pensampelan Sistematis dalam Pemilihan sekolah	105
3.6	Pemboleh ubah kajian dan Sumber Rujukan Instrumen	109
3.7	Pembahagian Instrumen Borang Soal Selidik (sebelum pengujian EFA)	114



3.8	Skor Skala Likert Soal Selidik Kepimpinan Guru dan Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa	115
3.9	Senarai Pakar Kesahan Muka	117
3.10	Senarai Pakar Kesahan Kandungan	119
3.11	Item Soal Selidik bahagian B yang telah ditambahbaik setelah disemak oleh Pakar	120
3.12	Item soal selidik bahagian C yang telah ditambahbaik setelah disemak oleh Pakar	126
3.13	<i>Cronbach Alpha</i> Kepimpinan Guru dan Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa	133
3.14	<i>Goodness-of-Fit model</i> dengan menggunakan <i>Indeks Fit</i> untuk <i>Exploratory Factor Analysis</i> (EFA) atau Analisis Faktor Eksploratori (AFE)	135
3.15	Ujian <i>Bartlett's</i> bagi pemboleh ubah “Kepimpinan Guru” dan “Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa”	136
3.16	Nilai muatan faktor berdasarkan jumlah sampel	137
3.17	Analisis Faktor bagi Setiap Item Kepimpinan Guru dengan Nilai Muatan Faktor > 0.55	137
3.18	Analisis Faktor bagi Setiap Item Elemen Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa dengan Nilai Muatan Faktor > 0.55	138
3.19	Item-item yang mewakili dimensi Kepimpinan Guru dan elemen Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa selepas analisis EFA	140
3.20	Ringkasan item dimensi dan elemen sebelum dan selepas pengujian analisis EFA	148
3.21	Nilai Skewness dan Kurtosis bagi Pemboleh Ubah Kepimpinan Guru dan Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa selepas EFA	151
3.22	Tafsiran Skor Min	152
3.23	Interpretasi Data Korelasi	155





3.24	Ringkasan Prosedur Analisis Kajian	156
4.1	Analisis Demografi berdasarkan Jantina	160
4.2	Analisis Demografi berdasarkan Umur	161
4.3	Analisis Demografi berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	161
4.4	Analisis Demografi berdasarkan Tahap Pendidikan	162
4.5	Analisis Demografi berdasarkan Gred Jawatan	162
4.6	Perincian Dapatan Analisis bagi Dimensi Penambahbaikan Yang Berterusan	163
4.7	Perincian Dapatan Analisis bagi Dimensi Organisasi Kendiri	165
4.8	Perincian Dapatan Analisis bagi Dimensi Kesedaran Diri.	166
4.9	Perincian Dapatan Analisis bagi Dimensi Kepelbagaian	167
4.10	Perincian Dapatan Analisis bagi Dimensi Komunikasi	168
4.11	Perincian Dapatan Analisis bagi Dimensi Kemahiran Pengajaran	168
4.12	Perincian Dapatan Analisis bagi Dimensi Membawa Perubahan	169
4.13	Nilai Min Keseluruhan bagi Setiap Dimensi Kepimpinan Guru	170
4.14	Nilai Min Keseluruhan Pemboleh ubah Kepimpinan Guru	171
4.15	Perincian Dapatan Analisis bagi Elemen Integrasi Produk dan Proses	172
4.16	Perincian Dapatan Analisis bagi Elemen Penilaian	173
4.17	Perincian Dapatan Analisis bagi Elemen Perubahan	174
4.18	Perincian Dapatan Analisis bagi Elemen Latihan	176
4.19	Perincian Dapatan Analisis bagi Elemen Pelaksanaan	177
4.20	Perincian Dapatan Analisis bagi Elemen Perancangan	178
4.21	Nilai Min Keseluruhan bagi Setiap Elemen Pengurusan	179





Pelantar Pembelajaran DELIMa

4.22	Nilai Min Keseluruhan Pemboleh ubah Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa	179
4.23	Ujian Homogeniti Varians Tahap Kepimpinan Guru berdasarkan Faktor Jantina	180
4.24	Ujian-t Kepimpinan Guru berdasarkan Faktor Jantina	181
4.25	Ujian-t Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa berdasarkan Faktor Jantina	182
4.26	Nilai Min Tahap Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa berdasarkan Faktor Jantina	183
4.27	Ujian Homogeniti Varians Tahap kepimpinan Guru berdasarkan Faktor Umur	184
4.28	Dapatan analisis deskriptif Tahap Kepimpinan Guru berdasarkan Faktor Umur	184
4.29	Ujian ANOVA Sehalu Tahap Kepimpinan Guru berdasarkan Faktor Umur	185
4.30	Dapatan analisis <i>post hoc</i> Kepimpinan Guru berdasarkan Faktor Umur	186
4.31	Ujian Homogeiniti Varians Tahap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa berdasarkan Faktor Umur	187
4.32	Dapatan analisis ANOVA Sehalu Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa berdasarkan Faktor Umur	188
4.33	Dapatan analisis Korelasi (r) Kepimpinan Guru dengan Pengurusan Pelantar Pembelajaran DELIMa	189
4.34	Rumusan Keputusan Dapatan Analisis SPSS ke atas Persoalan Kajian dan Hipotesis Kajian	190



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 <i>Teacher Leadership Self-Assessment (TLSA).</i>	17
1.2 Model <i>Six Facets</i> Kearns et al. (2005).	18
1.3 Kerangka Konseptual Kajian	19
2.1 Kerangka Lima Proses Pengurusan Teknologi Gregory (1995).	35
2.2 Model <i>Six Facets</i>	39
3.1 Populasi dan sampel kajian yang digunakan dalam kajian	103

SENARAI SINGKATAN

COVID-19	<i>Coronavirus Disease 2019</i>
DELIMa	<i>Digital Education Learning Initiative Malaysia</i>
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GC	<i>Google Classroom</i>
GK	Guru Kanan
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KP	Ketua Panitia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LDT	<i>Leadership Development for Teachers</i>
MoE-DL	<i>Ministry of Education – Digital Learning</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PIBG	Persatuan Ibu bapa dan Guru
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
VLE	<i>Virtual Learning Environment</i>



SENARAI LAMPIRAN

- A** *Teacher Leadership Self-Assessment (TLSA)*
- B** Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- C** Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- D** Surat Kelulusan Menjalankan Kajian di Sekolah Negeri Perak daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak
- E** Surat Kelulusan Menjalankan Kajian di Sekolah Negeri Perak daripada Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak
- F** Soal Selidik untuk Kesahan Muka
- G** Soal Selidik untuk Tujuan Kesahan Kandungan
- H** Soal Selidik untuk Kajian Rintis (Sebelum pengujian EFA)
- I** Soal Selidik untuk Kajian Sebenar (Selepas pengujian EFA)



BAB 1

PENGENALAN

Kepimpinan sinonim dengan pengetua jika di peringkat sekolah. Selain kepimpinan pengetua, kepimpinan guru merupakan satu lagi kepimpinan di sekolah yang membantu pengetua atau pentadbir dalam meningkatkan kecemerlangan sekolah (Norashikin Abu Bakar et al., 2015). Guru merupakan agen perubahan kerana kemampuan mereka untuk mempengaruhi rakan sekerja bagi meningkatkan kualiti pengajaran (Cooper et al., 2016). Justeru itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mula menfokuskan kepimpinan pada setiap peringkat bagi tujuan meningkatkan kecemerlangan sekolah (PPPM, 2013- 2025). Usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah bukan sahaja melibatkan peranan guru besar dan pengetua malah guru-guru pun sama-sama terlibat dalam usaha tersebut (Khalip Musa & Nee, 2017). Kepimpinan guru telah menjadi topik perbincangan di peringkat global.



Kepimpinan guru sebelum ini sering dikaitkan dengan pengajaran dan pembelajaran (PdP), kepimpinan dan visi, penilaian, amalan profesional dan produktiviti, dan masalah sosial dan etika (Hamidah Yusof et al., 2019).

Guru berperanan sebagai pemimpin formal di dalam bilik darjah manakala pengetua dan guru besar berperanan sebagai pemimpin formal di sekolah yang berfungsi sebagai pemacu dalam melahirkan murid berprestasi tinggi (PPPM 2013 – 2025). Guru juga merupakan pemimpin bilik darjah, kelab dan persatuan dengan menerima serta melaksanakan arahan daripada pemimpin atasan seperti guru besar atau pengetua (Lai & Cheung, 2015). Wenner dan Campbell (2017) berpendapat tanggungjawab guru memimpin pengajaran dan pembelajaran murid di dalam kelas dan kepimpinan dalam kelas ini dapat dikembangkan sehingga ke luar kelas dengan memegang jawatan-jawatan lain seperti Ketua Panitia, Guru kelab dan persatuan dan lain-lain lagi.

Dunia pendidikan yang sentiasa berubah dengan perkembangan teknologi menuntut kepimpinan guru agar dapat disesuaikan dengan persekitaran untuk menentukan hasil dan meningkatkan pencapaian murid. Justeru itu, pemimpin guru perlu bersedia untuk menerima sebarang perubahan drastik yang melibatkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) baharu dalam organisasi (Esplin et al., 2018; Ozkan et al., 2017). Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merupakan alat atau perkakasan untuk guru melaksanakan pengajaran dan pelantar pembelajaran merupakan medium bagi membolehkan pengajaran dapat diteruskan dalam pelbagai situasi. Teknologi baharu yang muncul ini dilihat sebagai



penyelesaian kepada masalah yang berlaku dalam sistem pendidikan (Akcil et al., 2017).

Teknologi yang digunakan perlu diurus dengan rapi supaya dapat membantu guru menyampaikan isi pelajaran dengan baik (Nor Zaira Razali et al., 2016). Menurut Hamidah Yusof et al. (2019), antara perkara yang termasuk dalam bidang pengurusan ialah isu organisasi. Isu organisasi melibatkan organisasi pembelajaran, kerja kumpulan dan teknologi. Pelantar pembelajaran DELIMa merupakan isu organisasi masa kini sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac 2020 akibat pandemik yang melanda Malaysia sehingga kini. Pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa merupakan salah satu domain kemahiran ICT (*Information and Communication Technology*) yang terkandung dalam Literasi ICT abad ke-21 (Mazalah Ahmad et al., 2015)

Pengurusan ICT dalam kalangan guru perlu dipertingkatkan lagi dan disesuaikan dengan keperluan era Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) pada masa kini (Alagesan Ambikapathy et al., 2020). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kepimpinan dalam kalangan guru dan hubungannya dengan pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa agar dapat dijadikan panduan melahirkan pemimpin guru yang efektif.



1.2 Latar Belakang Kajian

Asalnya pelantar pembelajaran *Google Classroom* (GC) telah dicadangkan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bermula pada 1 April 2020 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penggunaan pelantar pembelajaran GC dapat memenuhi matlamat utama transformasi dalam sistem pendidikan di Malaysia (PPPM, 2013 – 2025) menerusi anjakan ketujuh iaitu “Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia” dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu untuk membangunkan pendidikan yang seimbang ke arah kemenjadian murid.

Penggunaan GC pada 1 Julai 2019 berikutan penamatan kontrak 1BestariNet termasuk Frog VLE antara KPM dengan syarikat YTL *Communications* Sdn. Bhd. Namun pada 15 Jun 2020, KPM membangunkan pelantar pembelajaran DELIMA dengan kerjasama *Google*, *Microsoft* dan *Apple*. Pelantar pembelajaran DELIMA menyediakan pautan kepada pelantar pembelajaran *Google Classroom* (GC) dan *Microsoft Teams* untuk tujuan pengurusan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pelantar pembelajaran DELIMA juga merangkumi buku teks digital, *EduwebTV* atau *CikgooTube*, *Edpuzzle*, *Quizizz*, *Kahoot* dan lain-lain lagi.

Pengamalan norma baru dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memerlukan guru-guru untuk bersedia meningkatkan ilmu, kompetensi, keupayaan serta kemahiran dalam meneruskan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR) secara dalam talian. Guru perlu ada anjakan paradigma untuk menerima senario baharu supaya generasi pada masa kini celik Teknologi Maklumat dan



Komunikasi (TMK). Hal sedemikian penting untuk melahirkan murid “Generasi Digital” (Norain Badru et al., 2020).

Persekitaran pembelajaran hari ini memerlukan guru menunjukkan nilai-nilai kritikal, kemahiran dan pengetahuan untuk memupuk proses pengajaran dan pembelajaran yang bermakna dan mendorong kerjasama dalam kalangan pendidik. Dengan itu, guru berpotensi menjadi pemimpin dalam amalan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan strategi yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran, membimbing rakan sejawat dalam pentadbiran, amalan pendidikan dan meningkatkan prestasi murid. Selain itu, mengekalkan kualiti profesionalisme yang tinggi, dan mempengaruhi sekolah dan masyarakat untuk meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran dengan tujuan meningkatkan pencapaian murid dalam pelajaran (Rupp, 2016).

Kemampuan guru mempengaruhi rakan sejawat untuk meningkatkan kemahiran dalam penggunaan ICT dalam pendidikan menyebabkan mereka dianggap sebagai agen perubahan di sekolah (Cooper et al., 2016). PPPM (2013-2025) menegaskan dalam anjakan kelima bahawa di peringkat sekolah guru dan pemimpin sekolah adalah penggerak utama (KPM, 2013). Justeru itu, KPM berhasrat untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan guru seperti yang dinyatakan melalui anjakan keempat PPPM (2013-2025) iaitu “Mentransfomasikan Keguruan Sebagai Profesion Pilihan” dengan meluaskan lagi laluan kerjaya barisan pendidik supaya dapat berperanan sebagai pemimpin sebagai pakar dalam pengajaran (Norlia Mat Norwani et al., 2016).



Kepimpinan guru berupaya meningkatkan pembelajaran dan profesionalisme guru menggunakan pelantar pembelajaran untuk pengajaran mereka (Hairon et al., 2015). Pembelajaran dan perkembangan profesionalisme guru juga boleh dilaksanakan secara dalam talian tanpa perlu menghadirkan diri ke sekolah. Komunikasi dan perkongsian pelbagai ilmu dan kemahiran dalam penggunaan teknologi terkini seperti pelantar pembelajaran DELIMA boleh dilaksanakan secara dalam talian. Namun, menurut Jacobs (2016), guru sukar untuk berjaya dalam kepimpinan sekiranya guru tidak mahu berubah. Pemimpin guru memberikan alasan yang berbeza mengapa sebilangan guru sukar menerima perubahan. Antara alasan tersebut kerana mereka rasa selesa dengan kedudukan mereka dan tiada inisiatif untuk berubah.



Pemimpin guru juga membicarakan tentang ketakutan mereka terhadap perubahan yang berkaitan dengan teknologi. Pemimpin guru merasakan bahawa guru tidak mendapat tahap pembangunan profesionalisme yang tepat menyebabkan mereka sukar untuk menerima perubahan. Sekolah memerlukan pemimpin guru yang dapat menyumbang kepada kualiti pendidikan dan pelaksanaan inovasi pendidikan (Van der Heijden et al., 2018; King & Stevenson, 2017). Selain itu, kepimpinan guru sangat penting bagi pembentukan profesionalisme guru (Hamidah Yusof et al., 2016). Oleh itu, peningkatan perkembangan kepimpinan guru berupaya meningkatkan kualiti profesionalisme guru. Ini juga secara tidak langsung meningkatkan kecemerlangan murid dan sekolah (PPPM, 2013-2025).

Walaupun terdapat banyak kajian mengenai kepentingan kepimpinan guru sebagai usaha untuk memperkasakan kepimpinan guru namun penyelidikan berkaitan





guru masih memerlukan pembangunan (Bush & Ng, 2019; Azhar Harun et al., 2016). Tambahan pula, amalan kepimpinan guru dapat meningkatkan kemajuan sekolah (Roslina Abdul Rashid & Mahaliza Mansor, 2018; Azhar Harun et al., 2016). Lebih banyak lagi kajian harus dilakukan untuk mengkaji hubungan dan kesan kepimpinan guru terhadap pembelajaran murid. Oleh itu, memperkasakan kepimpinan guru dengan meningkatkan pembelajaran profesionalisme guru dalam pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA berupaya menyumbang kepada pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik (Wenner & Campbell, 2017). Kepimpinan guru telah menjadi agenda penting dalam dunia pendidikan pada masa kini kerana kepimpinan guru berupaya mendorong guru membuat penambahbaikan di sekolah. Namun, kajian berkaitan hubungan antara kepimpinan guru dengan pembelajaran dan pencapaian murid secara keseluruhannya sangat terhad (Wenner & Campbell, 2017; Hamidah Yusof et al., 2016; Harris, 2015).

Penggunaan Frog VLE berdasarkan kajian lepas membuktikan guru tidak mempunyai kemahiran untuk mengendali dan mengguna alatan TMK (Nor Zaira Razali et al., 2016). Akibatnya mempengaruhi kelancaran penyampaian isi pelajaran dan menyebabkan masalah dalam usaha untuk menjadikan Frog VLE sebagai satu pelantar pembelajaran yang membawa manfaat kepada guru dan murid. Pada waktu yang sama, tahap kemahiran guru terhadap penggunaan komputer dan TMK juga berada pada tahap yang sederhana sahaja (Alagesan Ambikapathy et al., 2020; Hasliza Hashim et al., 2016).

Selain itu, kajian oleh Yogeswary Kuppusamy dan Helmi Norman (2021) mendapati faktor umur mempengaruhi penguasaan kemahiran teknologi guru. Guru-



guru yang kurang menguasai kemahiran teknologi adalah yang berpengalaman mengajar 21 tahun ke atas manakala guru yang mempunyai kemahiran teknologi pada tahap tinggi adalah guru yang berpengalaman mengajar dari 1 hingga 20 tahun. Dapatan ini dikukuhkan lagi dengan dapatan kajian oleh Shampa (2016) yang mendapati golongan guru veteran berasa takut dan sukar untuk mempelajari teknologi baharu manakala guru muda lebih biasa dengan teknologi semasa latihan perguruan (Ismail, 2015). Menurut Kayalar (2016), guru generasi ini kurang pengalaman mengajar tetapi celik teknologi. Guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 25 tahun pula harus berusaha untuk menyesuaikan diri dengan teknologi baharu (Kayalar, 2016).

1.3 Pernyataan Masalah

Isu pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa bermula sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diperketatkan menghalang pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka dilaksanakan di sekolah. Pada ketika itu, penggunaan pelantar Frog VLE telah diganti dengan pelantar pembelajaran baharu iaitu *Google Classroom* (GC) pada Julai 2019 yang kemudiannya dijenamakan semula kepada pelantar pembelajaran DELIMa. Dapatan penggunaan pelantar pembelajaran GC KPM pada tarikh 26 hingga 27 Mac 2020 menunjukkan hanya seramai 13 544 (3.25%) daripada 416 743 guru di Malaysia mengakses portal <http://www.moe-dl.edu.my> (BSTP, KPM, 2020). Manakala maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPNP) pada 31 Julai 2020 pula, menunjukkan hanya seramai 717 daripada 38, 218 guru di negeri Perak sahaja yang mengakses DELIMa. Jumlah ini tidak termasuk



prasekolah (JPNP, 2020). Dapatan ini membuktikan bahawa kurangnya pemahaman guru terhadap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA (Apriyanti et al., 2019).

Sehingga kini, guru masih ragu-ragu untuk menggunakan teknologi walaupun terdapat peningkatan akses kepada teknologi di sekolah (Darchinie Rani Ravendran & Md Yusoff Daud, 2019). Guru-guru baharu mempunyai minat yang mendalam untuk mengintegrasikan teknologi berbanding guru yang telah lama berkhidmat (Cantú-ballesteros et al., 2017; Aslan et al., 2016; Yang, 2015). Hal ini demikian kerana guru-guru berminat untuk mempelajari kemahiran teknologi dalam pelantar pembelajaran DELIMA dengan lebih berkesan (Marban & Mulenga, 2019) sekiranya latihan penggunaan teknologi diberikan secukupnya kepada guru-guru. Guru-guru juga berpendapat bahawa pengintegrasian ICT memerlukan masa yang lama untuk membuat persediaan bahan (Kaleli-Yilmaz, 2015; Symon, 2015).

Peranan dan tanggungjawab pemimpin guru adalah memastikan perubahan ke arah meningkatkan pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA memenuhi anjakan ketujuh “Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia” dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 -2025 (PPPM 2013 – 2025) (Revathy Subramaniam, 2020). Selain itu, peningkatan permintaan untuk kepimpinan guru di sekolah dan potensi kepimpinan guru yang belum sepenuhnya dimanfaatkan di sekolah dan di daerah agak membimbangkan (Ross et al., 2016; Lukacs, 2015; Hanuscin et al., 2014). Hal ini menyukarkan rancangan KPM ke arah memenuhi anjakan ketujuh seperti yang termaktub dalam PPPM (2013 -2025).





Ramai guru tidak menganggap mereka sebagai pemimpin (Hanuscin et al., 2014). Guru tidak menyedari keperluan untuk menjadi pemimpin. Walaupun guru sering berperanan dalam kepimpinan, mereka tidak melihat diri mereka sebagai pemimpin. Mereka berpandangan istilah "pemimpin" adalah mereka yang memegang jawatan formal seperti pengetua atau jurulatih utama. Selanjutnya, guru tidak menyedari peluang untuk mempraktikkan kepimpinan di persekitaran kerja mereka. Guru kurang berperanan dalam kepimpinan melainkan terdapat matlamat yang jelas untuk dicapai. Kurangnya arahan yang jelas juga membuat guru ragu-ragu untuk berperanan dalam kepimpinan (Gunter, 2016). Anjakan keempat PPPM (2013 - 2025) didapati menjadi pendorong dan semangat untuk memotivasikan guru ke arah menjalankan kepimpinan (Lefstein et al., 2018).



Guru harus turut serta dalam peranan kepimpinan supaya menjadi contoh dan sumber inspirasi bagi rakan sejawat yang lain. Pemimpin guru bekerjasama dengan rakan sejawat, mereka dihormati oleh rakan sejawat mereka, dan pengalaman mereka berupaya mempengaruhi komuniti sekolah dengan cara yang positif "(Angelle & Teague, 2014). Sekolah juga memerlukan pemimpin guru yang dapat menyumbang kepada kualiti pendidikan dan inovasi pendidikan (Van der Heijden et al., 2018; King & Stevenson, 2017). Menurut Spillane dan Kim (2012), pemimpin guru mewujudkan persekitaran kerja kolaboratif dalam kalangan rakan sejawat. Rakan sejawat mudah mendapatkan sokongan dan kemahiran yang berkaitan dunia pendidikan daripada pemimpin guru. Pemimpin guru yang pakar dalam bidang pendidikan pada peringkat sekolah dan daerah juga membantu usaha dalam meningkatkan perkembangan profesionalisme guru. Dalam konteks penyelidikan, kepimpinan guru agak baharu di sekolah.



Walaupun ahli akademik dan beberapa ahli profesional telah menjalankan kajian berkaitan kepimpinan guru, namun guru masih belum memahami sepenuhnya peranan dan tanggungjawab pemimpin guru. Kengganan guru untuk memainkan peranan penting dan aktif dalam kepimpinan di sekolah masing-masing mencetuskan pemahaman separa kepimpinan guru. Justeru itu, kepimpinan guru harus diberi tumpuan utama dengan membangunkan kepimpinan guru dan meningkatkan kesedaran mereka mengenai peluang untuk memimpin (Sinha & Hanuscin, 2017) agar pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA dalam pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan.

Sehingga kini, masih belum banyak kajian yang mengesan keupayaan kepimpinan guru dalam pengurusan pelantar pembelajaran *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMA) dari segi kepimpinan dan pengurusan teknologi dalam literatur. Suara guru sebagai pemimpin juga kurang dikaji dalam penyelidikan (Wenner & Campbell, 2016; Cosenza, 2015; Lukacs, 2015; Neumerski, 2013). Walaupun, terdapat banyak kajian lepas mengenai kepentingan kepimpinan guru sebagai usaha memperkasakan guru, penyelidikan berkaitan guru masih lagi terhad (Bush & Ng, 2019; Azhar Harun et al., 2016). Peningkatan pembangunan kepimpinan guru akan meningkatkan kualiti profesionalisme seperti yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dan Pelan Pembangunan Profesional Berterusan.

Kajian-kajian lalu menunjukkan kepimpinan guru berada pada tahap yang tinggi. Namun kajian Norashdimah Misdi et al. (2019) menunjukkan amalan kepimpinan dalam kalangan guru-guru masih di peringkat yang memerlukan

perhatian yang lebih mendalam terutamanya dari sudut perkembangan amalan kepimpinan. Guru-guru perempuan didapati memiliki amalan kepimpinan yang tinggi berbanding guru-guru lelaki (Norashdimah Misdi et al., 2019). Amalan kepimpinan dalam kalangan guru perempuan lebih kerap berlaku berbanding guru-guru lelaki.

Dapatan kajian Norashdimah Misdi et al. (2019) bercanggah dengan dapatan kajian Khalip Musa dan Rofidah Mohd Nasir (2018) yang menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min kepimpinan guru antara kumpulan guru lelaki dan guru perempuan. Menurut Mohd Norakmar Omar (2019) perubahan kecekapan sendiri guru sering dikaitkan dengan pengaruh seorang pemimpin. Ini bermakna kecekapan pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA dapat dikaitkan dengan peranan seorang pemimpin guru. Secara tidak langsungnya wujud perkongsian kemahiran dan pengetahuan pemimpin guru dengan rakan sejawat berkaitan pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA. Oleh yang demikian, kajian kuantitatif ini adalah untuk mengkaji hubungan kepimpinan guru dengan pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA di Sekolah Menengah.

1.4 Objektif kajian

- i. Menenal pasti tahap kepimpinan guru Sekolah Menengah Kinta Utara.
- ii. Menenal pasti tahap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA dalam kalangan guru Sekolah Menengah Kinta Utara.
- iii. Menentukan perbezaan tahap kepimpinan guru berdasarkan faktor jantina.

- iv. Menentukan perbezaan tahap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA dalam kalangan guru berdasarkan faktor jantina.
- v. Menentukan perbezaan tahap kepimpinan guru berdasarkan faktor umur.
- vi. Menentukan perbezaan tahap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA dalam kalangan guru berdasarkan faktor umur.
- vii. Menentukan hubungan kepimpinan guru dengan pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA dalam kalangan guru Sekolah Menengah Kinta Utara.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian yang dikemukakan di atas, maka terdapat tujuh

(7) persoalan kajian dalam kajian ini, iaitu:

- i. Apakah tahap kepimpinan guru Sekolah Menengah Kinta Utara?
- ii. Apakah tahap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA dalam kalangan guru Sekolah Menengah Kinta Utara?
- iii. Adakah terdapat perbezaan tahap kepimpinan guru berdasarkan faktor jantina?
- iv. Adakah terdapat perbezaan tahap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA dalam kalangan guru berdasarkan faktor jantina?
- v. Adakah terdapat perbezaan tahap kepimpinan guru berdasarkan faktor umur?
- vi. Adakah terdapat perbezaan tahap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA dalam kalangan guru berdasarkan faktor umur?
- vii. Adakah terdapat hubungan antara kepimpinan guru dengan pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA dalam kalangan guru Sekolah Menengah Kinta Utara?

1.6 Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini, hipotesis nol 1, 2, 3, 4 dan 5 digunakan untuk menjelaskan persoalan kajian 3, 4, 5, 6 dan 7.

Hipotesis nol bagi persoalan kajian ketiga ialah:

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kepimpinan guru berdasarkan faktor jantina.

Hipotesis nol bagi persoalan kajian keempat ialah:

Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA dalam kalangan guru berdasarkan faktor jantina.

Hipotesis nol bagi persoalan kajian kelima ialah:

Ho3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kepimpinan guru berdasarkan faktor umur.

Hipotesis nol bagi persoalan kajian keenam ialah:

Ho4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA dalam kalangan guru berdasarkan faktor umur.

Hipotesis nol bagi persoalan kajian ketujuh ialah:

Ho5 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan guru dengan pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA dalam kalangan guru Sekolah Menengah Kinta Utara.

1.7 Kerangka Teori Kajian

Teori merupakan asas penting dalam penyelidikan untuk memastikan amalan pengumpulan data memberi pemahaman peristiwa (Azizi Yahaya et al., 2018). Kerangka teori membantu penyelidik menentukan situasi dan konteks teori dalam kajian sebagai panduan penyelidikan (Ravitch & Carl, 2016). Kerangka teori bagi kajian ini memaparkan dua konstruk yang terlibat iaitu kepimpinan guru dan pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA.

Walaupun terdapat banyak model kepimpinan guru dalam bidang pendidikan yang boleh dijadikan sebagai panduan, Model Pembangunan Kepimpinan Guru (LDT) atau *Leadership Development for Teachers Model* (LDT) oleh Katzenmeyer dan Moller (2004) dijadikan rujukan dalam kajian ini berdasarkan objektif kajian ini untuk mengukur tahap kepimpinan guru. Model *Leadership Development for Teachers* (LDT) menekankan empat aspek utama iaitu 1) penilaian sendiri; 2) mengubah sekolah; 3) strategi mempengaruhi; dan 4) pelan tindakan. Tahap kepimpinan guru dalam kajian ini diukur berdasarkan empat aspek ini.



Bagi mengukur tahap kepimpinan guru berdasarkan empat aspek ini, 42 item-item yang mewakili tujuh dimensi kepimpinan guru daripada instrumen Penilaian Kendiri Kepimpinan Guru atau *Teacher Leadership Self-Assessment* (TLSA) dicadangkan oleh Katzenmeyer dan Moller (2009) diadaptasi dalam kajian ini. Item-item daripada TLSA diadaptasi dalam kajian ini kerana faktanya yang sederhana, mempunyai nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang baik, dan itemnya mudah difahami (Davignon, 2016; Cheng & Szeto, 2016; Fon, 2016).


TLSA terdiri daripada tujuh dimensi kepimpinan guru iaitu 1) kesedaran diri iaitu amalan kesedaran diri dalam diri pemimpin seperti bertindak bersesuaian dengan nilai dan falsafah apabila berurusan dengan rakan sejawat; 2) membawa perubahan iaitu keberkesanan strategi semasa memulakan sesuatu perubahan yang positif seperti berusaha ke arah mencapai visi dan misi dan memimpin rakan sejawat menyelesaikan tugas; 3) komunikasi merujuk kepada keberkesanan pemimpin guru dalam kemahiran mendengar, berkomunikasi secara lisan dan bertulis yang efektif; 4) kepelbagaian iaitu rasa hormat yang dipamerkan dan reaksi kepada pandangan yang berbeza; 5) kemahiran pengajaran iaitu keupayaan pemimpin guru menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk mewujudkan peluang pembelajaran yang efektif dalam kalangan murid dan rakan sejawat; 6) penambahbaikan yang berterusan iaitu komitmen pemimpin guru untuk mencapai tahap yang tinggi dan kesediaan guru semasa mengambil tindakan untuk membuat penambahbaikan; dan 7) organisasi sendiri merujuk kepada kemampuan pemimpin guru memulakan dan mengurus tindakan serta melaksanakan suatu perancangan untuk mencapai matlamat.



Rajah 1.1 menunjukkan tujuh dimensi kepimpinan guru daripada instrumen TLSA untuk mengukur tahap kepimpinan guru Sekolah Menengah Kinta Utara pada persekitaran kerja mereka sehingga dapat membawa perubahan positif dalam menangani isu organisasi di sekolah terutama yang melibatkan pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa.

Rajah 1.1

Teacher Leadership Self-Assessment (TLSA). Diadaptasi dari Sumber Katzenmeyer dan Moller (2009)




Kajian ini juga menggunakan elemen-elemen dalam model Pengurusan Teknologi iaitu Model *Six Facets* yang diperkenalkan oleh Kearns et al., (2005) untuk menilai tahap pengurusan teknologi yang melibatkan pelantar pembelajaran DELIMa. Model ini dipilih kerana elemen-elemen dalam model ini sesuai digunakan untuk menilai tahap pengurusan yang melibatkan penggunaan teknologi baharu (Kearns et al., 2005). Model Six Facets mengandungi enam elemen penting dalam pengurusan iaitu: 1) penilaian di peringkat organisasi, teknikal dan peribadi; 2) perancangan seperti rancangan strategik, rancangan kerja dan penilaian persekitaran; 3) pelaksanaan seperti sistem kualiti, sistem dokumentasi, proses organisasi, perisian,

pelaksanaan projek, perancangan dan kawalan projek; 4) integrasi produk dan proses seperti pemikiran sistem, perkembangan sistem pengurusan kualiti dan penanda aras; 5) latihan dan penglibatan untuk memupuk potensi individu dan organisasi dan menyokong pembangunan tenaga kerja; dan 6) perubahan yang melibatkan pengurusan dan perubahan kepimpinan. Rajah 1.2 menunjukkan Model Six Facets Kearns et al. (2005).

Rajah 1.2

Model Six Facets Kearns et al. (2005). Diadaptasi dari Kearns et al. (2005)



Penilaian teknologi, perancangan, pelaksanaan, integrasi produk dan proses, latihan dan perubahan adalah enam elemen penting dalam pengurusan teknologi dengan tujuan perubahan pelaksanaan yang berkesan (Kearns et al., 2005). Semua elemen dalam model *Six Facets* saling berkait antara satu sama lain dan digunakan untuk mengukur tahap pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA dalam kajian ini. Elemen-elemen ini menjadi gagasan utama bagi kajian ini untuk membantu guru-guru dalam pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA dengan jayanya.


1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual digunakan untuk menjelaskan hubungan pemboleh ubah-
pemboleh ubah dalam kajian (Norfishah Mat Rabi, 2020). Rajah 1.3 menunjukkan
kerangka kajian yang dibina untuk memudahkan agar proses-proses kajian difahami
sebelum, semasa dan selepas kajian dilakukan. Kerangka konsep kajian ini
memaparkan hubungan pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar.

Terdapat dua pemboleh ubah yang diukur dalam kajian ini iaitu kepimpinan
guru yang berfungsi sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dan pengurusan pelantar
pembelajaran DELIMa yang berfungsi sebagai pemboleh ubah bersandar.
Berdasarkan dua pemboleh ubah ini, penyelidik telah membina kerangka konseptual
bagi membincangkan hubungan kepimpinan guru dengan pengurusan pelantar
pembelajaran DELIMa. Rajah 1.3 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang
dijadikan panduan kepada penyelidikan ini.

Rajah 1.3

Kerangka Konseptual Kajian



1.9 Definisi Operasional

Definisi operasional memberi maksud dan penjelasan berkenaan istilah-istilah yang digunakan dalam kajian (Merry & Rahmat, 2016). Menurut Rosli (2018) pula, definisi operasional ini menjelaskan istilah-istilah penting dalam kajian.

1.9.1 Kepimpinan Guru

Kepimpinan guru ialah pemimpin dalam kalangan guru yang mendorong dan mempengaruhi orang lain sama ada murid, rakan sejawat dan komuniti sekolah agar berusaha ke arah mencapai sesuatu matlamat. Kepimpinan guru dalam kajian ini diukur berdasarkan *Teacher Leadership Self-Assessment* (TLSA) yang dicadangkan oleh Katzenmeyer dan Moller (2009) iaitu: 1) kesedaran diri; 2) membawa perubahan; 3) komunikasi; 4) kepelbagaian; 5) kemahiran pengajaran; 6) penambahbaikan yang berterusan; dan 7) organisasi sendiri.

Dalam kajian ini, kesedaran diri merujuk kepada gambaran yang jelas dalam diri guru dari segi tingkah laku, kekuatan, nilai dan falsafah yang menjadi pegangan diri. Membawa perubahan pula merujuk kepada strategi yang berkesan yang dilaksanakan oleh guru untuk memudahkan peningkatan yang positif. Seterusnya, komunikasi merujuk kepada komunikasi guru yang berkesan sama ada secara lisan atau bertulis terutama dalam penyampaian dan juga pembentangan. Berikutnya, kepelbagaian dalam kajian ini merujuk kepada tindak balas atau penghormatan yang dipamerkan guru terhadap penerimaan kepelbagaian fahaman dan perbezaan pendapat



dalam kalangan rakan sejawat. Manakala, kemahiran pengajaran merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran guru mewujudkan pembelajaran berkesan kepada murid atau orang dewasa. Penambahbaikan yang berterusan merujuk kepada komitmen yang ditunjukkan guru dalam usaha mencapai standard yang tinggi atau kesediaan guru untuk mengambil tindakan dalam usaha penambahbaikan. Akhir sekali, organisasi sendiri dalam kajian ini merujuk kepada komitmen guru dalam menetapkan dan mengurus tindakan serta melaksanakan rancangan untuk mencapai matlamat organisasi.

1.9.2 Pengurusan pelantar pembelajaran *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa)



Pengurusan secara umumnya didefinisikan sebagai satu set aktiviti merancang, mengorganisasi, menerajui dan mengawal sumber-sumber dalam organisasi yang meliputi kakitangan, kewangan, fizikal dan membuat keputusan bagi mencapai matlamat organisasi secara berkesan (Griffin, 2012). Dalam kajian ini, pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa merujuk kepada aspek mengurus perkakasan, perisian, alat atau pelantar pembelajaran *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru atau saluran komunikasi antara guru-guru supaya perubahan berasaskan teknologi berlaku dengan jayanya, dan visi dan misi sekolah tercapai. Dalam mengurus perubahan teknologi dengan jayanya, pelantar pembelajaran DELIMa dalam kajian ini diukur berdasarkan elemen-elemen yang terdapat dalam Model *Six Facets* oleh penyelidik





Kearns et al. (2005) seperti penilaian teknologi, integrasi produk dan proses, perancangan, pelaksanaan, latihan dan perubahan.

Dalam kajian ini, penilaian merujuk kepada pemilihan teknologi dan pelaksanaan. Integrasi produk dan proses pula merujuk kepada bagaimana pelantar pembelajaran DELIMa digabungkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, perancangan merujuk kepada sejauhmana penilaian dan integrasi produk dan proses berjaya menghasilkan rancangan dalam membantu pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Manakala, pelaksanaan merujuk kepada aspek di mana guru menentukan kejayaan pelantar pembelajaran DELIMa dengan melaksanakan rancangan supaya perubahan teknologi berlaku dengan jayanya. Latihan pula merujuk kepada latihan yang diterima guru untuk mencapai kejayaan dalam pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa. Akhir sekali, perubahan merujuk kepada perubahan penting teknologi baharu seperti pelantar pembelajaran DELIMa untuk mencapai kejayaan yang tinggi dalam pelaksanaan dan mencapai objektif pengajaran.

1.9.3 Guru

“Guru” merupakan individu yang mengajar murid di Institusi Pendidikan atau individu yang menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) atau individu yang memeriksa kertas jawapan yang dikembalikan menerusi pusat pendidikan jarak jauh (Akta Pendidikan 1996, Akta 550). “Guru berdaftar” ialah guru yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996, (Akta 550, Bahagian 1) yang memiliki sijil perguruan, diploma pendidikan dan ijazah dari maktab perguruan dan universiti, dan dilantik oleh





Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk berkhidmat di sekolah. Dengan erti kata lain, guru merupakan pembimbing dalam proses pembelajaran atau golongan pendidik yang mendidik murid-murid di sekolah berdasarkan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). Dalam kajian ini, guru merujuk kepada guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan (harian) di daerah Kinta Utara, Perak yang memiliki sijil perguruan, diploma pendidikan dan ijazah dari maktab perguruan dan universiti dan dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

1.9.4 Sekolah Menengah (SM)

Sekolah menengah terdiri daripada Sekolah Menengah Kerajaan dan Sekolah Menengah Swasta. Sekolah menengah dalam kajian ini merujuk kepada “Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)” merupakan “sekolah kerajaan” ertinya sekolah yang ditubuhkan dan disenggarakan sepenuhnya oleh Menteri di bawah Bahagian IV (Akta Pendidikan 1996, Akta 550). Sekolah Menengah Kebangsaan sepenuhnya berada di bawah tanggungan Kerajaan Malaysia iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pendidikan menengah terdiri daripada sekolah akademik, Sekolah Menengah Teknik, Kolej Vokasional (KV) dan Sekolah Kebangsaan Agama (SKA). Dalam Kajian ini, Sekolah Menengah Kebangsaan merujuk kepada Sekolah Akademik (menengah harian) yang terdiri daripada menengah rendah dan menengah atas.





1.10 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengukur dua pemboleh ubah sahaja iaitu kepimpinan guru dan pengurusan pelantar pembelajaran DELIMA Sekolah Menengah (harian) di daerah Kinta Utara, Perak. Sekolah Menengah Kebangsaan yang dipilih dalam kategori sekolah bandar di bawah pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara. Daerah Kinta Utara dipilih kerana daerah ini mempunyai bilangan guru yang ramai. Selain itu, daerah Kinta Utara merupakan daerah yang terbesar di negeri Perak dengan kedudukannya yang strategik dan mempunyai kemudahan akses internet yang baik. Penyelidik juga membataskan kajian ini kepada guru-guru Sekolah Menengah di daerah Kinta Utara, Perak sahaja. Kajian ini adalah kajian kuantitatif. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik dan sampel kajian pula adalah guru Sekolah Menengah (harian) yang mewakili populasi kajian.

Data kajian yang diperolehi bergantung kepada kejujuran responden menjawab soal selidik. Oleh yang demikian, pendapat dan persepsi mereka mencerminkan kepimpinan mereka dalam menguruskan pelantar pembelajaran DELIMA dan tidak mewakili organisasi lain yang lebih besar seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPNP) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) negeri masing-masing.





1.11 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dibahagikan kepada aspek akademik dan aspek praktikal. Dari aspek akademik, penyelidikan ini diharapkan dapat menambah sumber rujukan ilmiah kepada penyelidik akan datang. Kajian ini diharapkan dapat mengisi jurang ilmu dan penyelidikan seterusnya menambah koleksi ilmu yang bermanfaat kepada dunia penyelidikan ilmiah dan pendidikan am. Perkongsian ilmu berkaitan kepimpinan guru dan pengurusan teknologi dapat diteruskan dengan penambahan khazanah ilmu seperti kajian ini. Kajian ini juga diharapkan dapat meningkatkan kesedaran guru tentang kepimpinan guru dan pengurusan pelantar pembelajaran bagi mencapai matlamat organisasi.



Penglibatan pemimpin guru dan guru dalam pengurusan teknologi menambahkan lagi rujukan bagi sasaran tersebut kerana kebanyakan kajian yang ada sehingga ke hari ini lebih tertumpu kepada kepimpinan guru dengan pencapaian murid dan sedikit sahaja yang dikaitkan dengan pengurusan teknologi. Penyelidik kali ini cuba mengaplikasikan teori dan model yang sesuai untuk sistem pendidikan kini di Malaysia yang menekankan kepada penggunaan teknologi untuk mencapai matlamat organisasi. Oleh yang demikian, teori dan model yang digunakan dalam kajian ini dapat dikembangkan lagi bagi mengisi jurang kajian. Akhir sekali, menambah rujukan ilmiah serta amalan penyelidikan kepada pihak berkepentingan lain dalam Pendidikan seperti pelajar, penyelidik dan ahli akademik. Kajian ini juga membuka ruang rujukan yang dinamik dan terkini kepada para penyelidik untuk melakukan kajian susulan pada masa akan datang.





Dari sudut praktikal, diharapkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberi perhatian kepada hasil kajian ini dengan melakukan beberapa penambahbaikan dari aspek merancang dan mengembangkan kemahiran dan bakat kepimpinan demi melahirkan pemimpin yang mahir dalam kalangan guru pada masa akan datang. Penambahbaikan ini juga diharapkan dapat memenuhi hasrat kerajaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menerusi anjakan keempat iaitu 'Mentransformasikan Keguruan Sebagai Profesion Pilihan' untuk meluaskan lagi laluan barisan pendidik supaya pendidik dapat berperanan sebagai pemimpin yang pakar dalam pengajaran atau bidang lain (Norlia Mat Norwani et al., 2016). Selain itu, hasil kajian ini juga diharapkan mampu menjadi rujukan umum kepada kepimpinan sekolah khususnya kepimpinan guru.



dengan kerjasama pentadbir membangunkan kepimpinan dalam kalangan guru-guru di sekolah untuk menjadi pemangkin kepada hala tuju keberhasilan murid seperti mana yang dihasratkan oleh KPM. Disamping itu, kajian ini boleh dijadikan rujukan dalam usaha memastikan kecekapan pengurusan yang berkaitan dengan pelantar pembelajaran *Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa)*. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai panduan untuk pihak pentadbir merangka pelbagai program kepimpinan dan pengurusan di sekolah yang disesuaikan dengan situasi persekitaran semasa pengajaran dan pembelajaran sekaligus menilai kepimpinan guru terhadap pengurusan teknologi. Sekiranya terdapat hubungan antara kepimpinan guru dengan pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa dalam hasil kajian ini, maka hasil kajian diharapkan dapat membantu pihak pentadbir menggandakan usaha mereka



untuk menerapkan kepimpinan dalam kalangan guru supaya guru dapat mengurus pelantar pembelajaran DELIMa dengan berkesan.

Pemimpin guru pula boleh membimbing rakan guru yang lain meningkatkan kepimpinan mereka dan mendorong rakan guru dalam pengurusan pelantar pembelajaran DELIMa terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran, melaksanakan mesyuarat secara dalaman bersama rakan-rakan guru, mengikuti program latihan pensijilan *Goggle* bagi memenuhi inisiatif KPM ke arah usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan guru.

1.12 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan secara terperinci mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kerangka teori kajian, kerangka konseptual kajian, batasan kajian, penerangan beberapa istilah penting bagi setiap aspek yang hendak dikaji dan kepentingan kajian. Bab seterusnya adalah berkaitan teori-teori yang terlibat dalam kajian ini dan sorotan kajian-kajian terdahulu berkaitan kepimpinan guru dan pengurusan teknologi.